

Norma hidup berubah punca kos perbelanjaan meningkat

Rakyat mengadu akan kenaikan harga barang yang menyebabkan perbelanjaan melebihi pendapatan terutama kelompok berpendapatan rendah atau sederhana, malah pendapatan RM4,000 di Kuala Lumpur juga tidak cukup bagi keluarga sederhana besar.

Peliknya, kenaikan harga barang yang tidak terkawal adalah ketika harga minyak jatuh, sedangkan sebelum ini kenaikan harga barang dikaitkan secara langsung dengan kenaikan harga minyak. Perkembangan ini menjadikan semua pihak terutama pembuat dasar lebih gelisah.

Proses mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 mungkin terjejas sekiranya masalah ini tidak diperhalusi segera. Peningkatan kos sara hidup menjadi lebih parah dengan keadaan isi rumah di Malaysia yang kurang simpanan sukarela. Ini dibuktikan oleh peningkatan hutang isi rumah untuk perbelanjaan bukan pelaburan atau perniagaan yang meningkat mendadak.

Terkini, hutang isi rumah Malaysia mencecah 140 peratus daripada pendapatan boleh guna. Angka ini sangat membimbangkan walaupun ada pihak mengatakan selagi isi rumah mampu menyelesaikan hutang mengikut

jadual, tiada masalah bagi negara walaupun hutang isi rumah tinggi.

Senario politik, ekonomi tak menentu

Namun, siapa tahu apa akan berlaku pada masa hadapan, terutama dalam senario ekonomi dan politik global yang sangat tidak menentu. Kajian ahli ekonomi mendapati, negara yang isi rumahnya mempunyai hutang tinggi menderita lebih teruk dan lambat bangkit daripada krisis ekonomi.

Ini terbukti di negara Asia yang dilanda krisis kewangan pada 1997-1998 dan pulih daripada krisis dengan kadar segera kerana

“**Masyarakat kini mungkin lebih individualistik dan mementingkan diri.**

Bantuan atau pertolongan masyarakat kini semuanya dinilai dalam bentuk monetari dan bukan lagi sifat tolong-menolong”

antaranya ialah kekuatan permintaan domestik dan kebanyakan hutang isi rumah negara ini di sekitar 10 ke 50 peratus sahaja.

Banyak pandangan dilontar dan dibincang secara mendalam menangani masalah ini. Boleh disimpulkan ia berkisar pada permasalahan penawaran, permintaan, kuasa beli pengguna dan pembuat dasar sama ada kerajaan persekutuan atau tempatan. Ada mendakwa sistem rantai penawaran barangan Malaysia dikuasai golongan tertentu dan ada kuasa monopoli sewenang-wenangnya mengeksploitasi harga dengan margin keuntungan tinggi.

Ada juga menuding produktiviti ekonomi negara rendah menyebabkan ketidakcekapan penggunaan sumber mengakibatkan kos pengeluaran meningkat. Isi rumah selaku pengguna juga tidak berpuas hati dengan gaji rendah yang diterima akibat persaingan dengan buruh asing. Tidak kurang menuduh agensi penguat kuasa tidak dapat melaksanakan dasar yang digubal atau dirancang untuk dilaksanakan dengan cekap.

Jika difahami dan diperhalusi, sebenarnya masalah peningkatan kos sara hidup bukan masalah sebenar.

Pada pandangan saya, masalah ini timbul akibat masyarakat yang tidak mengikut lunsar kemanusiaan sebenar. Masalah rantai penawaran, monopoli, pekerja tidak produktif, penguat kuasa tidak jujur dan tidak ber-

keupayaan melaksana tugas, perbelanjaan isi rumah melebihi pendapatan, pengguna tidak mengukur baju di badan sendiri dan generasi yang bertemakan biar papa asal bergaya, semuanya adalah individu yang menyimpang daripada norma kehidupan.

Persoalannya, mengapa masalah ini timbul? Jika kita halusi dan teliti, masalah warganegara tidak beretika, tidak berintegriti, tidak produktif adalah gambaran kepada kegagalan sistem pendidikan negara bagi melahirkan masyarakat diidamkan. Mungkin tiada maklumat terperinci mengenai perbandingan sistem pendidikan terdahulu dan terkini, namun umumnya ada perbezaan ketara antara generasi sebelum ini dengan generasi kini.

Ingin hidup selesa, selamat

Bagaimanapun, apa yang berlaku sekarang adalah hasil sistem yang kita sama-sama bentuk kira-kira 30 tahun dahulu. Generasi terdahulu tidak perlu memandangkan generasi kini dengan sinis. Generasi kini adalah anak didik atau hasil sistem sosial yang dibentuk masyarakat sedia ada. Malah, generasi kini juga tidak perlu menyalahkan generasi terdahulu.

Kedua, jangkakan kepuasan dan keinginan untuk hidup selesa dan selamat bagi setiap individu isi rumah di Malaysia adalah masih sama. Sikap bertolak ansur dan mengutamakan orang lain adalah meluas ketika itu. Namun, masyarakat kini mungkin lebih individualistik dan mementing-

kan diri. Bantuan atau pertolongan masyarakat kini semuanya dinilai dalam bentuk monetari dan bukan lagi sifat tolong-menolong.

Berubahnya norma dan ketidakupayaan masyarakat membantu individu pengguna meningkatkan kos sara hidup dengan ketara jika masih mahu mengekalkan tahap kepuasan atau kebajikan sedia ada. Inilah harga aktiviti ekonomi terlindung yang perlu dibayar ketika menuju negara berpendapatan tinggi.

Daripada majlis perkahwinan secara bergotong-royong, menyambut kelahiran anak hinggalah mendidik anak di semua peringkat umur memerlukan kos monetari yang banyak yang dahulunya adalah sumbangan masyarakat umum. Bagi mencapai masyarakat berintegriti, beretika, jujur, amanah dan cekap di samping kemahiran intelektual tinggi, sikap ambil peduli dalam masyarakat perlu ditingkatkan demi membina ekonomi mapan.

Walaupun persoalannya ialah ekonomi, namun penyelesaiannya merangkumi semua bidang dan lapisan masyarakat. Tidak keterlaluan juga dinyatakan bahawa paksi permasalahan peningkatan kos sara hidup ialah kebejatan individu. Oleh itu, apa-apa bentuk usaha membentuk sifat murni individu perlu diutamakan.